

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM 30 MINIT

3756/2

ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.
4. Tulis jawapan anda pada helaian tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya tidak mencukupi, anda boleh mendapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
7. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
8. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
9. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
10. Ceraikan Lampiran Ruang Jawapan daripada kertas peperiksaan ini. Ikat lampiran tersebut bersama helaian jawapan yang lain dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang kemudian serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
11. Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan, Angka Giliran, Nama, Tingkatan dan Nombor Soalan di Lampiran Ruang Jawapan dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.

NO. KAD PENGENALAN

								-											
--	--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 30 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 2

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 (a) Urus niaga di bawah diambil daripada buku perakaunan Pembekal Niko Shoes.

Nyatakan dokumen sumber dan buku catatan pertama yang terlibat bagi urus niaga tersebut.

Kedai Kasut Smart memulangkan sepasang kasut bernilai RM300 kepada Pembekal Niko Shoes kerana salah saiz.

[2 markah]

- (b) Nyatakan akaun berkaitan bagi kedua-dua catatan kontra di bawah:

Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
Pulangan masuk	
Susut nilai terkumpul kenderaan	

[2 markah]

- (c) Perniagaan Suria menawarkan 15% diskaun niaga untuk pembelian pasu bunga yang melebihi 20 buah. Harga sebuah pasu bunga ialah RM20. Puan Mell telah membeli sebanyak 25 buah pasu bunga itu secara kredit.

Hitung jumlah diskaun niaga yang diberikan kepada Puan Mell.

[2 markah]

- (d) Nyatakan dua tujuan Analisis Penyata Kewangan disediakan.

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut menunjukkan kos yang terlibat bagi Kilang Kasut Hasif.

	RM
Buruh langsung	2 400
Angkutan masuk bahan langsung	500
Inventori awal bahan langsung	2 210
Inventori akhir bahan langsung	1 980
Belian bahan langsung	21 820

Hitung Kos Prima.

[2 markah]

- 2 Encik Ameen tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Maklumat berikut diperolehi daripada Mini Mart Ameen pada 30 September 2021.

Buku Tunai (ruangan Bank)

	RM		RM
Modal	5 000	Gaji	2 000
Sewa	4 200	Insurans	1 800
Jualan	22 100	Belian	6 220
Akaun Belum Terima	7 900	Lengkapan	3 200
		Ambilan	1 500
		Akaun Belum Bayar	3 850
		Alat tulis	120

Maklumat tambahan:

(i)

	1 Oktober 2020	30 September 2021
	RM	RM
Inventori	8 300	9 200
Lengkapan	7 550	9 850
Kenderaan	50 000	50 000
Akaun Belum Terima	5 100	3 800
Akaun Belum Bayar	4 200	3 700
Sewa belum terima	-	300
Insurans prabayar	200	400
Alat tulis	20	50
Bank	12 500	?

- (ii) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
 (iii) Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri RM100 sebulan terlupa rekod.
 (iv) Hutang lapuk terpulih RM420 belum direkodkan.
 (v) Peruntukan Hutang Ragu diwujudkan 5% atas Akaun Belum Terima.
 (vi) Pulangan jualan RM220, manakala pulangan belian RM400.
 (vii) Pembekal memberi diskaun RM880 kerana telah menjelaskan hutang dengan segera.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Kawalan Belum Terima.

[2 markah]

(b) Akaun Kawalan Belum Bayar.

[2 markah]

(c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2021.

[11 markah]

(d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2021.

[10 markah]

- 3 Salina dan Mariam adalah pekongsi dalam Perkongsian SAMA yang beroperasi di Shah Alam. Imbangan Duga perniagaan mereka pada 31 Julai 2021 adalah seperti berikut:

Imbangan Duga pada 31 Julai 2021

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Modal:		
Salina		40 000
Mariam		20 000
Akaun Semasa:		
Salina		3 050
Mariam	850	
Inventori pada 1 Ogos 2020	9 210	
Ambilan :		
Salina (1 Oktober 2020)	2 600	
Mariam (1 Januari 2021)	1 800	
Pinjaman Mariam		20 000
Faedah atas pinjaman Mariam	1 200	
Belian dan Jualan	83 650	191 470
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	15 500	19 952
Simpanan tetap (faedah 5% setahun)	16 000	
Peruntukan hutang ragu		250
Hutang lapuk	380	
Kadar bayaran	3 990	
Kenderaan	80 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		12 000
Insurans	6 000	
Sewa	9 600	
Komisen diterima		874
Pulangan	630	920
Faedah simpanan tetap		500
Diskaun		700
Gaji	15 000	
Bank	63 306	
	309 716	309 716

15000 [pkga (9 x 800) = 7200
pkj. 7800

[Lihat halaman sebelah

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori akhir dinilai pada harga kos RM12 545 manakala harga pasaran ialah RM11 345.
- (ii) Ikatan perkongsian adalah seperti berikut:
- Faedah atas ambilan pekongsi ialah 6% setahun
 - Faedah atas modal pekongsi ialah 10% setahun
 - Gaji pekongsi Salina ialah RM800 sebulan
 - Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun
 - Untung dan rugi dikongsi antara Salina dan Mariam mengikut nisbah modal.
- (iii) Belian barang niaga RM2 000 dengan cek pada 5 Jun 2021 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iv) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
- (v) Gaji yang dibayar termasuk gaji pekongsi. Gaji Salina belum bayar sebanyak 3 bulan.
- (vi) Insurans dibayar untuk tempoh satu tahun mulai 1 November 2020.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 3% atas Akaun Belum Terima.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021. [11 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021. [6 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi. [8 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 (a) Berikut adalah jumlah kos dan jumlah hasil bagi Bakery Annys pada pelbagai peringkat keluaran kek keju.

Paras Keluaran (unit)	0	3 000	6 000	9 000
Jumlah Kos (RM)	160 000	310 000	460 000	610 000
Jumlah Hasil (RM)	0	270 000	540 000	810 000

Kos tetap diandaikan malar.

- (i) **Anda dikehendaki** menghitung:
- (a) Kos Berubah Seunit. [2 markah]
- (b) Harga Jualan Seunit. [2 markah]
- (c) Titik Pulang Modal dalam unit pengeluaran tersebut. [2 markah]
- (d) Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk mendapatkan keuntungan RM72 000. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan jawapan anda di 4(a) lukis graf Titik Pulang Modal pada kertas graf yang disediakan dengan menggunakan skala di bawah.

Paksi X–2 cm = 2 000 unit

Paksi Y–2 cm = RM100 000

- (a) Labelkan semua garisan pada graf. [3 markah]
- (b) Tunjukkan Titik Pulang Modal. [1 markah]
- (c) Tentukan kawasan untung dan rugi. [1 markah]

- (b) Perniagaan Adilla Sdn. Bhd. menyediakan Buku Tunai Runcit dengan lajur analisis belanja pejabat, belanja pos, belanja perjalanan dan alat tulis pada 30 April 2021. Sistem panjar diamalkan dengan peruntukkan RM500 sebagai dana runcit.

Bayaran berikut dilakukan sepanjang bulan April:

	RM
2021	
April 1 Terima cek dari ketua juruwang	300
3 Beli kertas fotostat 10 rim dengan harga 1 rim RM10	?
7 Bayar petrol untuk motosikal	10
11 Penghantaran bungkusan melalui pos	15
17 Beli rak pameran	800
25 Beli kopi, gula dan teh	120

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit pada 30 April 2021 di Lampiran A dengan menunjukkan rekupmen pada 1 Mei 2021. [7 markah]

- 5 (a) Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada buku perniagaan Tripal Go Enterprise.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2020			
	RM Kos	RM Susut Nilai Terkumpul	RM Nilai Buku
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan	80 000	(16 000)	64 000
Aset Semasa			
Inventori		105	
Akaun Belum Terima	25 000		
(-) Peruntukan Hutang Ragu	(750)	24 250	
Insurans prabayar		160	
Komisen belum terima		450	
Bank		30 480	
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	16 900		
Kadar bayaran belum bayar	310		

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021:

1. Pelarasan yang perlu diambil kira:
 - Insurans prabayar RM320
 - Komisen belum terima RM370
 - Kadar bayaran belum bayar RM500
 - Baki Akaun Belum Terima RM22 250

2. Petikan Buku Tunai (ruangan Bank)

Buku Tunai (ruangan Bank)			RM
	RM		
Komisen	1 800	Insurans	4 500
		Kadar bayaran	3 600

3. Seorang pelanggan diisytiharkan mufis dan hutangnya RM400 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
4. Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Insurans. [3 markah]
- (ii) Akaun Komisen. [3 markah]
- (iii) Akaun Kadar Bayaran. [3 markah]
- (iv) Akaun Peruntukan Hutang Ragu. [2 markah]

- (b) Syarikat Tekun Berhad telah menerbitkan 600 000 unit 8% Syer Keutamaan RM2.00 sesyer pada 1 Julai 2021 kepada orang awam. Pada tarikh tutup permohonan iaitu 16 Julai 2021, syarikat telah menerima RM1 400 000. Semua wang lebihan dipulangkan kepada pemohon yang tidak berjaya pada tarikh yang sama.

Anda dikehendaki:

- (i) Merekod terbitan syer ke dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan). [3 markah]
- (ii) Memindahkan catatan ke lejar yang berkenaan. [6 markah]

- 6 (a) Penyata Bank bulan Jun 2021 yang diterima oleh Perniagaan Hannah menunjukkan baki yang berbeza dengan Buku Tunai pada 30 Jun 2021. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

Buku Tunai (ruangan Bank sahaja)

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
2021		RM	2021			RM
Jun 1	Baki b/b	2 150	Jun 3	Sewa	433214	1 900
4	Sara	2 200	5	AA Enterprise	433215	2 750
6	Jualan	6 300	7	Belian	433216	6 680
9	Amin	3 200	11	Kedai Lim	433217	8 300
14	Jualan	4 500	18	Tina	433218	2 400
19	Haqem	1 600	22	Pembekal Mala	433219	3 780
23	Qistina	680	27	Gaji	433220	1 100
27	Nana	1 200				
30	Anita	2 360				
	Baki h/b	2 720				
		26 910				26 910

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2021					3 700
Jun 1	Baki				2 150
	Cek	433213	1 550		250
5	Cek	433214	1 900	6 300	6 550
6	Deposit			2 200	8 750
	Cek		6 680		2 070
11	Cek	433216		3 200	5 270
13	Cek			5 400	10 670
14	Deposit				10 430
			240		
15	Insurans			480	10 910
18	Dividen - Megah Bhd.				2 610
20	Cek	433217	8 300		210
23	Cek	433218	2 400		1 810
24	Cek			1 600	1 780
28	Caj bank		30		1 710
29	Buku cek		70		610
30	Cek	433220	1 100		

Maklumat tambahan:

1. Deposit pada 14 Jun 2021 tersilap rekod.
2. Cek daripada Qistina yang didepositkan pada 25 Jun 2021 dipulangkan oleh bank dengan catatan "Rujuk Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki:

- (i) Mengemaskinikan Buku Tunai (ruangan Bank). [7 markah]
- (ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2021. [6 markah]

- (b) Kedai Kerepek Sedap telah dibuka pada 1 Julai 2021 oleh Puan Halimah di Klang, Selangor.

Dokumen-dokumen berikut menunjukkan urus niaga bagi tempoh setengah bulan Julai 2021:

ASAL		INV. 2219				
INVOIS						
Kerepek Tipah						
No. 70, Jalan Kobis, 42700 Banting, Selangor.						
Kepada:			Tarikh : 1 Julai 2021			
Kedai Kerepek Sedap						
No. 45, Bangunan Usahawan, 42100 Klang, Selangor.						
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM		Jumlah RM	
1	Kerepek pisang	100	9	00	900	00
2	Kerepek ubi	200	8	00	1 600	00
Tolak : Diskaun niaga 10%					2 500	00
Jumlah					2 250	00
Ringgit Malaysia : Dua Ribu Dua Ratus Lima Puluh sahaja						
Syarat : 5% 7 hari, 3% 14 hari						
Serahan : Angkutan dibayar						
K. & K. di K						
Halimah				Tipah		
Penerima				Pengurus		

Dokumen 1

SALINAN

BIL TUNAI
Kedai Kerepek Sedap
 No. 45, Bangunan Usahawan,
 42100 Klang, Selangor.

Tarikh : 5 Julai 2021

Kepada:
Kedai Mesra PETRONAS Shah Alam
 Jalan Seruling,
 40000 Shah Alam, Selangor.

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit		Jumlah	
			RM		RM	
			18	00	540	00
1	Kerepek pisang	30	16	00	640	00
2	Kerepek ubi	40				
			Jumlah		1 180	00

Ringgit Malaysia : Satu Ribu Satu Ratus Lapan Puluh sahaja.
 Tunai/ No. Cek:

Halimah

 Pengurus

Dokumen 2

BAUCAR TUNAI RUNCIT		SALINAN	
Kedai Kerepek Sedap		BTR001/21	
No. 45, Bangunan Usahawan,			
42100 Klang, Selangor.			
Kepada:			
Mastura binti Amin			
Tarikh	Keterangan	Jumlah	
		RM	
7/7/2021	Upah mencuci kedai	70	00
	Jumlah	70	00

Ringgit Malaysia : Tujuh Puluh sahaja.

Halimah

 Pengurus

Dokumen 3

ASAL	NOTA KREDIT Kerepek Tipah No. 70, Jalan Kobis, 42700 Banting, Selangor.	NK0091		
Kepada: Kedai Kerepek Sedap No. 45, Bangunan Usahawan, 42100 Klang, Selangor.		Tarikh : 12 Julai 2021		
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Kerepek ubi	10	8 00	80 00
				80 00
			Tolak : Diskaun niaga 10%	8 00
			Jumlah	72 00
Ringgit Malaysia : Tujuh Puluh Dua sahaja				
<u>Halimah</u> Penerima			<u>Tipah</u> Pengurus	

Dokumen 4

MEMO Kedai Kerepek Sedap No. 45, Bangunan Usahawan, 42100 Klang, Selangor.	M001/21
Kepada: Kerani akaun.	
Tarikh : 15 Julai 2021	
Pemilik telah mengambil lima bungkus kerepek pisang yang bernilai RM9.00 sebungkus untuk diberi kepada anak saudaranya.	
<u>Halimah</u> Pengurus	

Dokumen 5

Anda dikehendaki:

- (i) Melengkapkan kad inventori di **Lampiran B**. [6 markah]
- (ii) Menghitung inventori pada 15 Julai 2021. [1 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT